

BULETIN UTHM

Bil.8 Ogos 2024 | ISSN 2232-0415



ANUGERAH BITARA KIRANA 2024

مجلس انوكره بيتارا كيرانا ٢٠٢٤

PROF. MADYA Ts. Dr ELMY JOHANA BINTI MOHAMAD

DS54 - PROFESOR MADYA

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



516 staf UTHM terima anugerah di Majlis Anugerah Bitara Kirana 2024

ISSN 2232-0415



9 772232 041007



UTHM Johor



subscribe
UTHM TV

www.uthm.edu.my



Global Technopreneur
University 2030

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 516 staf UTHM terima anugerah di Majlis Anugerah Bitara Kirana 2024
- 3 Acara Perbarisan dan Perarakan Jiwa Merdeka dahulu sambutan Bulan Kebangsaan Ke-67 peringkat UTHM
- 5 UTHM, UTHM Holdings dan OEW Tecnica jalin kerjasama tubuh Aerospace Advanced Technology Centre
- 6 UTHM sertai DICE 2.0, bolot semua anugerah kategori 'Animasi'
- 7 UTHM terima anugerah di Autodesk ASEAN Innovation Awards 2024
- 9 Dua pelajar UTHM terpilih ke Misi Bantuan Kemanusiaan dan Peredaan Bencana di Selatan Thailand
- 11 KKKP UTHM diiktiraf sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Konsisten
- 13 UTHM terbit Kitab Terjemahan Fiqh Zakat Karya Dr. Yusuf Al-Qaradawi versi Bahasa Melayu
- 14 Kontinjen UTHM berjaya raih 13 pingat di SUKUM 2024
- 16 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

SUB-EDITOR

Muhammad Zahir Ab'aziz
Suriyati Baharom

PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia





516 staf UTHM terima anugerah di Majlis Anugerah Bitara Kirana 2024

JOHOR BAHRU – Seramai 516 staf Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari pelbagai skim dan gred perkhidmatan telah menerima anugerah di Majlis Anugerah Bitara Kirana yang berlangsung pada 23 Ogos 2024 bertempat di Pulau Springs Resort, Johor Bahru.

Majlis tersebut menyaksikan seramai 197 staf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, manakala Anugerah Jasa Bakti (33), Anugerah Taat Setia (208), Anugerah Khas Panel Penilaian Sumber Manusia (51), Anugerah Jasa 30 Tahun (7), Anugerah Sukan (2) dan Anugerah Pentadbir (18).

Majlis Anugerah Bitara Kirana yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah dijenamakan semula bagi memberi nafas baharu kepada identiti UTHM.

Bitara Kirana yang membawa maksud 'sinar yang tiada tara' memberi gambaran kepada apresiasi UTHM terhadap warga kerjanya yang telah menunjukkan komitmen dan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan.

Selain itu, majlis itu juga sebagai penghargaan kepada mereka yang telah memberi khidmat bakti terbaik dalam melaksanakan tugas, mahupun sumbangan lain seperti kegiatan sukan, sosial dan kemasyarakatan.

Majlis telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Seri Ibrahim Ahmad.

Dato' Seri Ibrahim dalam ucapannya berkata Anugerah Bitara Kirana itu bukan sahaja merupakan satu bentuk penghargaan terhadap dedikasi dan kerja keras warga kerja UTHM, tetapi juga sebagai

inspirasi kepada semua untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.

"Keunggulan yang dipamerkan dalam melaksanakan tugas adalah satu contoh teladan yang harus dicontohi oleh semua warga UTHM.

"Kecemerlangan yang dicapai bukan sahaja memberikan manfaat kepada diri sendiri, tetapi juga membawa nama baik kepada universiti ini.

"Saya berharap, anugerah yang diterima akan menjadi pemangkin untuk terus meningkatkan prestasi dan menjadi inspirasi kepada semua warga UTHM," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim juga turut merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih beliau kepada semua warga kerja UTHM yang telah memberi

sumbangan yang terbaik dalam memastikan kecemerlangan universiti.

"Tanpa usaha dan kerjasama daripada semua pihak, kita tidak mungkin dapat mencapai kejayaan seperti hari ini.

"Setiap cabaran yang dihadapi adalah peluang untuk kita belajar dan berkembang, jangan pernah berputus asa kerana di sebalik setiap kesukaran terdapat hikmah yang menunggu untuk diterokai," pesan beliau.

Turut berlangsung, pelancaran Buku Kod Etika UTHM yang juga disempurnakan oleh Dato' Seri Ibrahim.

Majlis anjuran Pejabat Pendaftar itu turut dihadiri Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Pegawai-pegawai Kanan Universiti.





Acara Perbarisan dan Perarakan Jiwa Merdeka dahului sambutan Bulan Kebangsaan Ke-67 peringkat UTHM

BATU PAHAT - Kemeriahan acara perbarisan dan perarakan kontinjen dari pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj) telah mewarnai sambutan Hari Kebangsaan Ke-67 peringkat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diadakan pada 12 Ogos 2024, bertempat di kampus induk.

Perarakan yang bermula dari bangunan Perpustakaan Tunku Tun Aminah dan berakhir di Dewan Sultan Ibrahim itu menyaksikan kontinjen 'Sukma Pawaka' yang terdiri daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan serta Johor Business School meraih anugerah 'Kontinjen Terbaik' bagi Acara Perarakan Jiwa Merdeka setelah berjaya menumpaskan 18 kontinjen yang lain.

Tidak cukup dengan itu, kontinjen Sukma Pawaka turut membolot dua lagi anugerah iaitu 'Perbarisan Terbaik' dan 'Persembahan Terbaik'.

Manakala tempat kedua acara perarakan diraih oleh kontinjen 'FPTV di Hati' dan tempat ketiga pula diraih oleh kontinjen 'MyFKMP Gemilang'.

Masing-masing membawa pulang hadiah berupa wang tunai bernilai antara RM300 sehingga RM500.

Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim hadir menyempurnakan Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan Ke-67 Peringkat UTHM.

Dato' Ruzairi dalam ucapannya menyeru warga kampus agar menghayati erti sebenar merdeka yang bukan hanya tentang bebas daripada cengkaman penjajah, tetapi bebas dari segi pemikiran dan tindak tanduk.

Menurut beliau, untuk menjadi bangsa Malaysia yang berjaya, kita perlu mengasuh jiwa untuk memiliki pemikiran dan tindakan yang cenderung kepada perihai insaniah dan kemanusiaan.

"Sebagai contoh, kita kena bersedia untuk berubah menjadi pekerja yang lebih fokus dan berintegriti, di samping mengelakkan sebarang bentuk komunikasi yang boleh merosakkan hubungan dan kepercayaan, serta perlu meraikan perbezaan setiap warga dengan membantu yang lemah dan menyokong yang kuat," katanya.

Program anjuran Bahagian Pengurusan Organisasi, Pejabat Pendaftar itu turut dihadiri, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor

Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi, Naim Maslan dan Pegawai-pegawai Kanan universiti.

Bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan Ke-67, UTHM telah merangka pelbagai aktiviti untuk meningkatkan lagi semangat patriotik warga kampus.

Antaranya pemasangan bendera pada kenderaan yang ada di sekitar kampus dan kibaran jalur gemilang di premis PTJ, penyertaan kontinjen UTHM ke Acara Perbarisan dan Perarakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-67 Peringkat Daerah Batu Pahat, funwalk, pertandingan fotografi dan pertandingan memancing, serta majlis bacaan yasin dan doa selamat.





UTHM diwakili Pengerusi Lembaga Pengarah, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Profesor Madya Dr. Mohd Lizam Mohd Diah mewakili UHSB dan Dato' Dr. Nazily Mohd Noor mewakili OEW Tecnica sambil disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

UTHM, UTHM Holdings dan OEW Tecnica jalin kerjasama tubuh Aerospace Advanced Technology Centre

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), UTHM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) dan OEW Tecnica PLT bakal menubuhkan Aerospace Advanced Technology Centre (AeroTA) iaitu sebuah pusat latihan yang khusus untuk menyediakan pendidikan teknikal dan vokasional lanjutan (Advanced TVET) dalam bidang aeroangkasa dan kejuruteraan.

Bagi mencapai hasrat tersebut, satu sesi pertukaran dokumen memorandum persefahaman (MoU) antara tiga pihak telah diadakan di Dewan Sultan Ibrahim, kampus induk pada 18 Ogos 2024, disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Majlis ringkas tersebut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Profesor Madya Dr. Mohd Lizam Mohd Diah mewakili UHSB dan Dato' Dr. Nazily Mohd Noor mewakili OEW Tecnica.

Penubuhan AeroTA akan memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, sejajar dengan keperluan industri moden.

AeroTA akan menggunakan pendekatan latihan berasaskan kompetensi, yang menggabungkan pengetahuan teori dengan latihan praktikal melalui kemudahan terkini dan projek-projek sebenar.

Kerjasama dengan rakan industri juga akan memastikan kurikulum yang disediakan selaras dengan perkembangan teknologi terkini dan keperluan pasaran.

Kerjasama itu dipersetujui ketika OEW Tecnica PLT mengadakan lawatan dan perbincangan di UTHM yang telah diadakan pada 7 Mac 2024 lalu.

Hasil daripada perbincangan ketiga-tiga pihak, non-disclosure agreement (NDA) antara UTHM, UHSB dan OEW Tecnica PLT telah ditandatangani dan mula berkuatkuasa pada 19 Mac 2024 untuk tempoh dua tahun.

Sementara itu, UHSB komited untuk terus memperkukuh kerjasama dengan OEW Tecnica PLT, memandangkan banyak peluang sinergi dapat diterokai, khususnya dalam bidang latihan vokasional berteknologi tinggi.

"Kerjasama ini diharap akan membawa manfaat besar kepada industri dan pendidikan di Malaysia," kata Dr. Mohd Lizam.



UTHM sertai DICE 2.0, bolot semua anugerah kategori 'Animasi'

NILAI, 19 Ogos 2024 - Dua Syarikat pelajar yang dibawa oleh Pusat Teknousahawan Pelajar (PTU), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu Aspec Production dan VR Enthusiast berjaya membolot kesemua anugerah bagi kategori 'Animasi' ketika menyertai Program Digital Innovation Creativepreneur 2.0 (DICE 2.0) pada 19 Ogos 2024 lalu bertempat di Nilai Youth City, Nilai.

VR Enthusiast berjaya meraih pingat perak dengan mempertaruhkan idea Ar/Vr mereka melalui permainan Trading Hunter VR, yang menonjolkan perdagangan wang zaman dahulu melalui aktiviti hasil hutan dengan menitiberatkan elemen kelestarian.

Manakala Syarikat Aspec Production pula meraih kesemua kategori pertandingan iaitu pingat emas, Anugerah Utama, Anugerah Khas Juri dan Anugerah Booth Paling Popular melalui taruhan idea kreatif animasi genre berteraskan sejarah dan fiksyen dalam menjaga kelestarian sejarah warisan Malaysia.

Mereka membawa pulang hadiah berupa wang tunai bernilai RM7500 berserta hamper.

Aspec Production dianggotai oleh Nur Muhd Hidayat Khan Sakhir Sultan, Nurzuhayra Filzah Mohammad Abdul Jalil, Danial Safiy Sujud dan Marsya Hussairilamjan, manakala VR Enthusiast dianggotai oleh Saiful Juma'at, Mohammad Zahir Subakhir, Mohammad Ashraaf Syahmin Rosmawee dan Ildan Naim Nir Izuddin.

Kedua dua syarikat pelajar itu dibimbing oleh mentor, Mohd Firdaus Mohd Herrow dan Mokhtar Yahya dari Pusat Pengajian Diploma serta Dr. Che Samihah Che Dalim dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat.

DICE 2.0 merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Pusat Kerjaya, Teknousahawan dan Jaringan Pintar (PaKaT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi mewujudkan platform kondusif kepada pelajar dalam bidang kandungan digital kreatif dengan menaik taraf bakat, serta memperkasakan pembangunan produk kandungan digital kreatif.

Sementara itu, Majlis Penutup DICE 2.0 yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud telah diadakan pada 19 Ogos lalu bagi mengiktiraf pembangunan kandungan kreatif digital di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT).

Datuk Mustapha dalam ucapannya berkata DICE 2.0 berjaya membentuk ekosistem yang dinamik untuk landskap kandungan kreatif dalam memperkukuh bakat agar sejajar dengan keperluan industri, serta memperkasa pembangunan produk kandungan digital kreatif.

"Keberhasilan dan kelestarian program ini terbukti melalui kerjasama strategik dengan pihak agensi dan industri untuk membimbing usahawan kandungan digital kreatif dalam kalangan peserta IPT untuk bersaing di peringkat global.

"Saya berharap agar usahawan IPT yang lahir dari program ini dapat memanfaatkan segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh sepanjang program dan sentiasa berusaha dengan lebih gigih dalam bidang keusahawanan kandungan digital kreatif," katanya.

Seramai 250 peserta terdiri daripada pelajar dan pensyarah dari 23 IPT dalam dan luar negara telah turut serta dalam penghasilan 48 projek kandungan digital kreatif kategori Animasi, Filem Pendek, Aplikasi Augmented Reality, Aplikasi Virtual Reality dan Aplikasi Permainan Digital.

Program itu turut mendapat kerjasama beberapa agensi dan rakan industry lain, antaranya Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC), CRADLE Fund Sdn. Bhd, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), KRU Studios, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Warnakala Studios, Animonsta Studios, Virtualtech Frontier, Inspidea, Larian Studios, MZR Global, Kaigan Games Entertainment, Arraubi Gameware, Spaceup Entertainment, V3X Malaysia, RAWR Picture, Tolahah Creative Solution, Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



UTHM terima anugerah di Autodesk ASEAN Innovation Awards 2024

KUALA LUMPUR – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya menerima anugerah 'Future Pillar of The Year Award (Architecture, Engineering and Construction)' ketika menyertai pertandingan Autodesk ASEAN Innovation Awards 2024 yang diadakan di Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2024 lalu.

Kedudukan terbaik UTHM itu telah diiktiraf melalui bidang Building Information Modelling (BIM) di bawah kelolaan Ketua Perunding Professional Industry Training Centre (PiTC), Ts. Dr. Peniel Ang Soon Ern daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Pertandingan itu menyaksikan persaingan sengit antara 187 penyertaan pelbagai organisasi dari enam negara ASEAN iaitu Singapura, Filipina, Vietnam, Indonesia, Thailand dan juga Malaysia.

Menurut Ts. Dr. Peniel Ang Soon Ern, beliau bersama pasukan PiTC, UTHM mendapat sokongan penuh daripada rakan industri Bina Initiatives Sdn. Bhd. sebagai Authorized Training Center (ATC) di Malaysia. "Industri ini telah mempamerkan komitmen jangka panjang semenjak tahun 2019 dalam mengintegrasikan perisian Autodesk Revit ke dalam kurikulum pelajar.

"Inisiatif ini dilaksanakan melalui penganjuran program-program latihan, pensijilan dan pembangunan modul Autodesk Revit untuk kegunaan bilik darjah.

"Selain itu, projek-projek inovatif dalam kurikulum dan penyelidikan dari peringkat sarjana muda sehingga sarjana yang dilaksanakan telah berjaya menarik perhatian para hakim dari pelbagai negara, sekali gus membezakan UTHM dengan para peserta lain," katanya.

Projek yang dipertandingkan bertajuk 'Empowering Tertiary Education with Autodesk Integration' memperlihatkan kesungguhan dan komitmen beliau, yang mana PiTC telah berjaya melahirkan lebih 1000 orang kompeten dalam bidang BIM.

Dr. Peniel turut berterima kasih di atas sokongan padu daripada rakan-rakan PiTC yang menjadi tulang belakang selama ini.

"Terima kasih juga kepada FTK telah memberi kepercayaan penuh kepada PiTC untuk mengembangkan BIM kepada pelajar UTHM, alumni dan masyarakat setempat." Tambah beliau.

Hadir sama ke majlis tersebut, Dekan FTK, Prof. Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor bagi meraikan kejayaan itu.

"Pihak fakulti mengucapkan tahniah kepada Dr. Peniel serta pasukan PiTC dan Bina Initiatives Sdn. Bhd. atas komitmen mereka selama ini dalam meningkatkan standard pendidikan tinggi dengan menerapkan kemahiran perisian BIM sebagai nilai tambah kepada graduan UTHM," katanya.



Trustworthy · Professional · Innovative

UTHM

Sekalung
TAHNIAH!

Ts. Dr. Peniel Ang Soon Ern (Ketua Perunding) & pasukan melalui

**Professional Industry Training Center (PiTC),
 Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

memperoleh anugerah

**Winner in Country
 FUTURE PILLAR OF THE YEAR**

menerusi projek

**"Empowering Tertiary Education
 with Autodesk Integration"**

di dalam

**Majlis Autodesk ASEAN Innovation Awards
 2024 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur**

pada 26 Ogos 2024

Berikutan daripada
 Seluruh warga kerja, mahasiswa/i dan alumni
 Jabatan Teknologi Kejuruteraan Awam
 Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Global Technopreneur
 University 2030

DEPARTMENT OF CIVIL ENGINEERING
 TECHNOLOGY - JTKA FTK UTHM

STARS

UTHM Johor

UTHM TV





Dua pelajar UTHM terpilih ke Misi Bantuan Kemanusiaan dan Peredaan Bencana di Selatan Thailand

Dua pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) antara 115 peserta terdiri daripada pelajar dan staf dari 20 universiti awam (UA) yang terpilih untuk menyertai program Misi Bantuan Kemanusiaan dan Peredaan Bencana (HADR) di Selatan Thailand bermula pada 7 sehingga 11 Ogos 2024.

Dua pelajar tersebut, Muhammad Faisal Ahmad Juhari dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) serta Siti Aishah Ibrahim dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP).

Menurut Ketua Jabatan Nilai dan Kesukarelawanan Pelajar, Pusat Pembangunan Pelajar (PBP), Dr. Radzi Ambar, program itu adalah aktiviti khidmat sosial bertaraf antarabangsa yang julung-julung kali diadakan oleh Majlis Kesukarelawanan Universiti Malaysia (MASKUM) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) dengan kerjasama Yayasan Perkasa Siswa (YPS) serta Light Green Enterprise.

Objektif misi itu adalah untuk menyantuni komuniti yang telah terkesan oleh tragedi banjir yang melanda pada penghujung tahun lepas dan awal tahun ini melalui aktiviti-aktiviti khidmat sosial, pemindahan ilmu dan penyampaian barangan sumbangan.

Program khidmat sosial yang telah diadakan di Kampung Charang, Yaring, Pattani itu membabitkan aktiviti seperti pemasangan lampu solar, pengeboran air dan pemasangan tangki air serta khidmat menggunting rambut secara percuma kepada komuniti.

Sebanyak lima unit *spotlight solar* dan tujuh lampu jalan sumbangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah berjaya dipasang melibatkan dewan orang ramai Kampung Charang, Surau Bin Halabi di Kampung Charang dan Institut Pondok Attarbiyatul Islamiah Kaisar Albarakah di Nong Raet.

Selain itu, sukarelawan dari Malaysia diketuai Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengecat dan memperindahkan lagi Surau Bin Halabi.

Pakar-pakar perubatan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pula mengetuai aktiviti pemeriksaan kesihatan, pengagihan ubat serta konsultasi percuma kepada komuniti.

Aktiviti pemindahan ilmu yang telah dijalankan adalah seperti kelas tuisyen Bahasa Inggeris kepada pelajar tahfiz diketuai pakar-pakar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan aktiviti pembuatan lilin menggunakan minyak terpakai kepada komuniti yang diketuai oleh pakar-pakar dari Universiti Teknikal Malaysia (UTeM).

Komuniti tempatan di Kampung Charang bersama wakil Universiti Prince of Songkhla pula telah mengajar sukarelawan dari Malaysia berkaitan cara-cara pembuatan manisan dari kelapa laut serta pemprosesan tuak menjadi gula melaka secara tradisional.

Pada hari terakhir misi, sukarelawan bersama-sama komuniti Kampung Charang telah mengadakan majlis kenduri rakyat yang telah diserikan dengan kehadiran Gabenor Pattani, Pateemoh Sadeeyamu.

Manakala, delegasi Malaysia pula diketuai Hirman Awang, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Tuan Zainuddin Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Ekstremis Sosial, Polis DiRaja Malaysia serta Profesor Dr. Norkhalid Salimin, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (TNCHEPA) Universiti Pendidikan Sultan Idris merangkap Pengerusi MASKUM.

Hadir sama, Prof. Dr. Raman Noordin, TNCHEPA Universiti Malaysia Sabah dan Prof. Dr. Shaharum Shamsuddin, TNCHEPA USM.

Pada majlis tersebut, delegasi Malaysia telah mengagihkan sumbangan dari 20 UA terdiri daripada lebih 300 barangan antaranya seperti naskhah al-Quran, sejadah, beg, t-shirt, sejadah dan ubat-ubatan kepada 12 wakil masjid dan madrasah wilayah Pattani serta rumah anak yatim di Songkhla.

Manakala UTHM melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP) pula telah menyumbangkan beg laptop bagi kegunaan pelajar-pelajar tahfiz yang diharap dapat memberi motivasi dan kemudahan dalam proses pembelajaran mereka.

Menurut Dr. Radzi, sukarelawan-sukarelawan siswa UTHM yang terlibat dalam misi ini telah menunjukkan dedikasi yang tinggi dalam usaha menjayakan misi, dan menunjukkan semangat setiakawan bersama-sama sukarelawan UA lain.

“Lebih menarik, Muhammad Faisal juga telah diberi kepercayaan oleh pakar perubatan dari USM untuk mengukur tekanan dan mengambil sampel darah komuniti tempatan bagi tujuan ujian kandungan gula dalam darah.

“Semoga pengalaman yang diperolehi oleh sukarelawan-sukarelawan siswa UTHM ini akan memupuk semangat keprihatinan yang lebih mendalam, mengukuhkan nilai-nilai kemanusiaan serta memberi inspirasi kepada mereka untuk terus menyumbang kepada masyarakat pada masa akan datang,” katanya.





KKKP UTHM diiktiraf sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Konsisten

Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sekali lagi mencatat sejarah apabila menerima pengiktirafan sebagai 'Penganjur Kempen Derma Darah Konsisten' pada 17 Ogos 2024 lalu.

Anugerah tersebut telah disampaikan pada Majlis Apresiasi Penderma Darah & Penganjur Kempen Derma Darah, sempena sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2024 peringkat daerah Muar yang berlangsung di Dewan Saujana, Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF).

Majlis itu diadakan bagi merai dan menzahirkan penghargaan kepada para penderma dan penganjur kempen derma darah, yang mana mereka diberi gelaran sebagai #muarbloodwarriors.

Bertemakan "20Years of Celebrating Giving: Thank You Blood Donor", majlis tersebut sebagai pengiktirafan kepada para penderma yang telah menderma darah secara sukarela tanpa mengharapkan balasan demi memastikan bekalan darah negara mencukupi.

Seramai 20 penderma darah dan 10 penganjur kempen derma darah telah dirai dalam majlis tersebut.

KKKP diwakili Dr. Mohd Faisal Hushim selaku penasihat program menerima plak penghargaan bagi kategori Penganjur Kempen Derma Darah.

Prihatin dengan keperluan golongan yang memerlukan, beberapa inisiatif dan tindakan proaktif telah diambil bagi menjadikan KKKP sebagai salah

satu tunjang utama dalam penganjuran kempen derma darah itu.

Menurut Pengarah Program Kempen Derma Darah, Khairunnisa Muhammad merangkap Ahli Majlis Tertinggi, Majlis Kepimpinan Pelajar, mereka telah melaksanakan inisiatif seperti kempen kesedaran, hebahan maklumat dan program derma darah secara berkala, konsisten dan sistematik.

"Inisiatif ini bukan sahaja membantu pihak hospital dalam memenuhi keperluan bekalan darah, malah ia mampu memupuk nilai-nilai murni di dalam diri penderma," katanya.

Sementara itu, Dr. Faisal pula berkata pihak KKKP sentiasa komited berkerjasama rapat dengan Unit Perubatan Tranfusi, HPSF bagi menjayakan program derma darah itu.

"Pihak KKKP dan HPSF meletakkan sasaran sekurang-nya satu kali program dijalankan setiap bulan dengan sasaran kutipan beg darah tidak kurang 500 setahun.

"Pada tahun lalu, pihak kami telah mengadakan sebanyak 18 kali penganjuran kempen dengan 691 beg darah berjaya dikumpul.

"Program ini akan menjadi salah satu program berterusan kepada KKKP agar dapat memberi manfaat kepada individu atau organisasi yang memerlukan.

Di samping itu, usaha murni ini diharapkan dapat menjadi sumber inspirasi dan motivasi serta pemangkin semangat perpaduan kepada semua rakyat Malaysia,” katanya.

Untuk rekod, KKKP telah diiktiraf sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited peringkat kebangsaan buat kali kedua berturut-turut pada

tahun 2022 dan 2023, Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited/Responsif Negeri Johor pada tahun 2022 dan Penganjur Kempen Derma Darah Dengan Kutipan Tertinggi pada tahun 2022.





UTHM terbit Kitab Terjemahan Fiqh Zakat Karya Dr. Yusuf Al-Qaradawi versi Bahasa Melayu

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Penerbit UTHM telah menerbitkan sebuah buku terjemahan dari Kitab Fiqh Zakat karya Dr. Yusuf Al-Qaradawi dalam versi Bahasa Melayu.

Terjemahan itu melibatkan kerjasama dua institusi iaitu Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dengan melibatkan seramai 23 penterjemah dari pelbagai institusi.

Kitab dua jilid yang terhasil itu telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 29 Mei 2024 lalu bertempat di Kompleks Seri Perdana Putrajaya dan akan dipasarkan mulai hujung tahun ini.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, kitab tersebut akan dapat memberi pemahaman, pengetahuan dan ilmu tentang fiqh zakat yang lebih terperinci, yang mana ia dapat memberikan lebih manfaat dan kelebihan dalam memperkasakan pengurusan dan pentadbiran zakat.

Beliau berkata demikian ketika mewakili Naib Canselor UTHM ke Majlis Kolaborasi Strategik dan Serahan Eksklusif Kitab Terjemahan Fiqh Zakat Dr. Yusuf Al-Qaradawi yang telah dilaksanakan pada 19 Ogos 2024 lalu anjuran bersama iSWAJ UTHM dan PPZ-MAIWP bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Turut hadir ke majlis tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat, Datuk Haji Abdul Hakim Amir Osman, Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Haji Yosree Ikhsan, Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Haji Mustapahayuddin Abdul Khalim, wakil Perbadanan Harta Intelpek Malaysia (MyIPO), pegawai PPZ-MAIWP dan pegawai-pegawai universiti serta para ahli penterjemah kitab tersebut.

Pada majlis tersebut telah berlangsung sesi penyerahan hak eksklusif kitab berkenaan, serahan Sijil MyIPO dan Penyerahan Sumbangan Dana Wakalah PPZ-MAIWP berjumlah RM10 ribu kepada 10 pelajar asnaf UTHM terpilih.

Sementara itu, Datuk Abdul Hakim Amir dalam ucapannya berkata kitab terjemahan tersebut bakal menjadi sumber rujukan dan panduan dalam perihal dan pengurusan zakat termasuk menjalankan kajian dan penyelidikan bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi pada masa kini.

Orang ramai boleh memiliki Kitab Terjemahan Fiqh Zakat Karya Dr. Yusuf Al-Qaradawi dalam versi Bahasa Melayu daripada Penerbit UTHM atau mana-mana agensi yang berdaftar bermula hujung tahun ini.



Kontinjen UTHM berjaya raih 13 pingat di SUKUM 2024

KOTA KINABALU – Kontinjen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih tiga pingat emas, lima pingat perak dan lima gangsa ketika menyertai Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Awam Malaysia (SUKUM) Edisi ke-45 pada 8 hingga 17 Ogos 2024 lalu bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Pungutan 13 pingat tersebut diraih melalui acara Berbasikal Wanita Senior & Veteran, Badminton Individu Lelaki Senior Badminton Beregu Lelaki Senior, Rejam Lembing Lelaki Veteran, Lempar Cakera Lelaki Veteran, 4x200m Wanita Veteran, Lontar Peluru Lelaki Veteran, 1500m Wanita Veteran dan 4x400m Wanita Veteran.

Kejohanan dwi tahunan itu menyaksikan sebanyak 23 acara dipertandingkan dengan 139 pingat ditawarkan kepada 20 kontinjen yang bertanding.

UTHM pada tahun ini telah menghantar 34 staf bagi mempertaruhkan nasib dalam beberapa kategori acara yang dipertandingkan.

Terdahulu, satu majlis penyerahan bendera kontinjen UTHM telah diadakan pada 5 Ogos lalu bertempat di perkarangan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Pada majlis tersebut, Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim telah menyerahkan

bendera kepada Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UTHM, Naim Maslan selaku Ketua Kontinjen SUKUM 2024.

Turut hadir semasa sesi penyerahan tersebut, Timb. Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrudin Mahzan @ Mohd Zin, Pengarah Pusat Sukan Universiti, Sr. Dr. Anuar Mohd Salleh dan Pengerusi Kelab Staf UTHM, Prof. Ir. Dr. Yusri Yusof.

Dato' Ruzairi berharap kejayaan itu bukan sahaja dapat menjadi kebanggaan kepada UTHM malah mampu memberi inspirasi kepada seluruh warga kampus untuk terus mencipta kejayaan pada masa hadapan.

Sementara itu, SUKUM Edisi ke-46 akan diadakan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.





Terbitan Terkini



MOBILITI PENGANGKUTAN WANITA

Yong Adilah Shamsul Harumain, Suhana Koting, Nuraihan Mohd Ibrahim

978-629-490-020-2

Mobiliti pengangkutan untuk wanita mempunyai konteks definisi mobiliti pengangkutan yang lebih luas. Walaupun tampak seperti suatu aspek perbincangan yang begitu khusus terhadap satu gender, mobiliti pengangkutan untuk wanita memerlukan suatu sistem dan dasar pengangkutan yang memberi keutamaan kepada pelbagai aspek antaranya aspek keselamatan, kebolehcapaian, keterjangkauan dan fleksibiliti yang memenuhi keperluan, cabaran dan halangan berbeza yang dihadapi oleh wanita. Konsep reka bentuk sejagat (universal design) yang begitu popular sejak 50 tahun yang lalu bukanlah suatu yang mudah dilaksanakan terutamanya dalam memastikan kesejahteraan dan kemudahan wanita untuk bergerak mencapai hasratnya. Oleh sebab itu, amat sukar untuk menemui bahan bacaan dan rujukan berkaitan mobiliti pengangkutan untuk wanita di Malaysia. Apatah lagi ditulis dalam bahasa kebangsaan. Buku ini telah ditulis berdasarkan beberapa siri kajian ilmiah yang dilaksanakan dalam tempoh tujuh tahun dan diolah menjadi satu naskah yang mampu menjadi sebuah rujukan khas kepada semua pembaca terutamanya pelajar, ahli akademik, penggubal dasar dan orang awam yang ingin memahami mobiliti pengangkutan untuk wanita. Sebagai langkah awal untuk mendedahkan kepada pembaca dengan lebih terperinci mengenai mobiliti pengangkutan dan corak pergerakan wanita, buku ini diterbitkan dalam Bahasa Melayu dengan susunan bersifat umum dan diatur selengkap mungkin agar memberikan pemahaman secara mendalam kepada pembaca. Tujuan utama buku ini diterbitkan adalah untuk berkongsi dapatan kajian mengenai mobiliti pengangkutan untuk wanita. Oleh yang demikian, buku ini sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan bagi semua golongan lapisan masyarakat dan dapat dijadikan inspirasi bagi menambahbaik sistem pengangkutan di Malaysia untuk wanita.



CITRA KOKURIKULUM MELESTARIKAN KEGEMILANGAN KOKURIKULUM

Fadillah Ismail, Mohd Khir Mohd Nor, Lutfan Jaes

978-629-490-021-9


RM39.00

Pandemik COVID-19 memberi tamparan kepada sistem pendidikan di pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat. Cabaran ini begitu dirasakan lebih-lebih lagi melibatkan pelaksanaan kokurikulum yang selama ini memberi penekanan kepada pembelajaran holistik merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Mendepani persekitaran yang mencabar ini, pelaksanaan kokurikulum juga perlu bersedia membuka lembaran baru dan turut berevolusi menyedari kepentingan kegiatan kokurikulum di dalam melahirkan pelajar yang mempunyai ketinggian ilmu nilai-nilai murni dan berkemahiran baru.

Melalui buku ini, pembaca berupaya menyelami permasalahan pokok yang berlaku di kala pandemik seterusnya menghargai strategi yang dapat diusahakan sebagai rujukan. Pendekatan penulisan secara akademik dan naratif yang diselaraskan dalam buku ini dapat memberi persepsi yang positif kepada pembaca terhadap pelaksanaan kokurikulum sebagai elemen penting untuk mereda, menyembuhkan dan memberi keceriaan kepada pelajar melalui pendekatan alternatif dan inovatif.

[Beli Buku](#)

Terbitan Terkini



GEOSYNTHETIC FOR EFFECTIVE GEO-SOLUTIONS IN MALAYSIA

CHAN CHEE MING

978-629-490-008-0

RM64.00

This is a book which gathers the best practices and research endeavours from both industry and universities in Malaysia, to showcase the advances in design, construction, applications and testing of geosynthetics in the country. The 15 chapters present interesting technical innovations in the field, refinement of the understanding in geosynthetic-soil interaction and

mechanisms, as well as geo-environmental troubleshooting and solutions. This inaugural Technical Compilation by MyIGS aims to serve as a useful guide and reference for practitioners, researchers and academics alike, to position the effective use of geosynthetics for the present, and into the future.

[Beli Buku](#)

